

PERKEMBANGAN KELAS MENENGAH MELAYU DI MALAYSIA

**Nawi Abdullah
Wan Ariffin Haji Wan Ahmad**

Pengenalan

Perkembangan kelas menengah Melayu di Malaysia boleh dipecahkan kepada tiga peringkat utama. Peringkat pertama ialah perkembangan dan kedudukan kelas ini di dalam masyarakat Melayu tradisional, terutamanya kedudukan dan peranan mereka di dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan feudal. Peringkat kedua ialah kedudukan dan perkembangan kelas menengah Melayu semasa kolonial, terutamanya British. British, melalui dasar pendidikan, sosial, ekonomi, dan pentadbirannya yang dilaksanakan telah menyebabkan berlakunya perubahan struktur dan kedudukan kelas menengah Melayu ketika itu. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sekali lagi berlaku perubahan di dalam struktur kelas di dalam masyarakat, terutamanya untuk memenuhi tuntutan kemerdekaan, lebih-lebih lagi selepas pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Melalui perubahan masa dan sejarah, perubahan demi perubahan terus berlaku di dalam struktur kelas menengah di Malaysia amnya, dan kelas

menengah Melayu khususnya. Perubahan dan perkembangan di dalam kelas menengah Melayu ini bukan sahaja berlaku dari aspek bilangan mereka, tetapi juga di dalam aspek-aspek lain, terutamanya peranan dan fungsi mereka di dalam masyarakat yang turut mengalami perubahan.

Kelas Menengah Melayu Tradisional

Sebelum kemasukan kuasa penjajah, struktur politik, ekonomi, dan sosial masyarakat Melayu adalah bercirikan tradisional. Kegiatan politik, ekonomi, dan sosial secara asasnya adalah ditentukan oleh sultan. Sultan biasanya akan memilih tempat yang strategik untuk mendirikan pusat pentadbiran dan pemerintahan. Biasanya tempat-tempat ini adalah di muara atau kuala sungai yang penting di sesuatu kawasan berkenaan. Dari sinilah sultan mengawasi pergerakan keluar masuk, mempertahankan kawasannya daripada serangan luar, dan mengenakan cukai ke atas pedagang yang keluar masuk ke negerinya. Sultan juga mengawal kawasan-kawasan di hulu sungai dengan cara melantik pembesar-pembesar yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus kawasan-kawasan yang dianugerahkan kepada mereka. Pembesar-pembesar ini pula biasanya melantik penghulu-penghulu untuk membantu mereka mengurus atau mengawal kegiatan-kegiatan di kawasan mereka. Dalam keadaan ini, maka dalam masyarakat Melayu tradisional, puncak kuasa adalah tertumpu kepada sultan. Seterusnya sultan akan memperturunkan kuasa kepada pembesar-pembesar yang kemudiannya dilanjutkan lagi kepada penghulu-penghulu di peringkat yang lebih mikro.

Dalam keadaan yang sedemikian, secara umumnya hanya terdapat dua kelas utama dalam susun lapis masyarakat Melayu tradisional, iaitu kelas pemerintah dan kelas rakyat (Roff, 1967:4). Perbezaan antara kedua-dua kelas ini adalah berdasarkan kepada keturunan serta diperkuuhkan oleh adat dan kepercayaan. Kelas pemerintah terdiri daripada golongan feudal yang diketuai oleh raja atau sultan. Kepada kelas feudal inilah tertumpunya segala bentuk kekuasaan, termasuklah kuasa politik, ekonomi, dan ketenteraan (Roff, 1967:4-11). Manakala kelas yang diperintah pula terdiri daripada petani, nelayan, dan hamba yang tinggal di dalam sesuatu kawasan pemerintahan atau raja. Walaupun

secara umum hanya terdapat dua kelas yang utama dalam masyarakat Melayu tradisional, namun pada masa yang sama terdapat lagi sekumpulan orang yang terdiri daripada pembesar-pembesar yang bertanggungjawab dan bertugas sebagai pemimpin dalam lapangan atau kawasan mereka sendiri. Golongan ini merupakan kelas perantara bagi sultan (kelas pemerintah) dengan rakyat (kelas yang diperintah) yang dikenali sebagai golongan bangsawan (Abdul Rahman Embong, 1997:1). Dalam aspek ini, kelas bangsawan berada di antara kelas raja dan kelas rakyat (Abdul Rahman Embong, 1997:1).

Selain golongan bangsawan, terdapat lagi sekumpulan orang yang terdiri daripada ketua kampung, peniaga, dan imam yang juga mempunyai kedudukan sederhana dalam susun lapis masyarakat Melayu berkenaan (Gullick, 1964:22). Golongan ini juga berperanan sebagai penghubung antara kelas pemerintah dengan kelas yang diperintah, terutamanya untuk menghubungkan rakyat dengan golongan bangsawan. Gullick (1964:22) mendapati kumpulan ini merupakan satu kelas yang mempunyai peranan yang besar dari segi ekonomi, politik, dan sosial dalam struktur masyarakat Melayu tradisional. Ketua kampung, peniaga dan imam ini berada di dalam kelas mereka yang tersendiri. Kelas ini merupakan wakil peringkat paling atas dalam sistem pentadbiran Melayu tradisional dan mereka merupakan saluran suara rakyat ke peringkat yang lebih tinggi dalam sistem tersebut. Mereka yang dari kelas ini secara umumnya bukanlah datang dari keturunan kelas pemerintah atau bangsawan, tetapi dari kelas rakyat yang mempunyai kebolehan dan kelebihan tertentu yang kemudiannya dilantik oleh kelas pemerintah atau masyarakat (kelas yang diperintah) untuk mewakili mereka di dalam perkara-perkara tertentu, terutamanya untuk menghubungkan mereka dengan kelas pemerintah atau sebaliknya.

Namun begitu, Milner (1982:20-28) berpendapat bahawa satu ciri yang menonjol di dalam masyarakat di Tanah Melayu pada abad ke lima belas ialah ketiadaan saudagar dan orang kaya Melayu walaupun Melaka pada ketika itu merupakan sebuah pelabuhan perdagangan yang penting. Sebahagian besar daripada urusan perdagangan dan perniagaan ini adalah berada di dalam tangan saudagar-saudagar India, Arab, dan Cina. Menurut beliau, faktor yang menyebabkan ketiadaan saudagar dan orang kaya Melayu adalah sikap sultan dan raja-raja Melayu ketika itu. Orang

Melayu yang kaya dan berharta kerap menjadi mangsa sultan dan raja-raja Melayu. Bukan sahaja mereka mendapat kemurkaan daripada sultan, tetapi juga harta mereka kerap dirampas. Orang Melayu yang kaya sentiasa berada di dalam keadaan bahaya, kerana masyarakat Melayu pada masa itu mengaitkan kekayaan dengan kuasa politik. Sultan bukan sahaja setakat menambah harta mereka, tetapi juga menyekat pengumpulan harta kekayaan oleh rakyatnya. Sultan selalu menegaskan bahawa mereka melindungi rakyat dan menentukan rakyat mereka dapat mencari makan. Kemakmuran ekonomi dan peningkatan kekayaan seseorang pembesar/rakyat bermakna berlakunya peningkatan dalam kekuasaan politik dan kehormatan dari masyarakat. Peningkatan penguasaan di dalam kekayaan, ekonomi, dan status di dalam masyarakat merupakan ancaman dan saingan kepada kekuasaan sultan. Untuk mengurangkan ancaman dan saingan kepada kuasa sultan ini, maka mereka yang berpotensi untuk menjadi saingan perlulah dihapus atau ditiadakan di dalam susun lapis masyarakat Melayu. Maka dengan itu, kelas ini tidak begitu menonjol di dalam susun lapis masyarakat Melayu ketika itu.

Di dalam masyarakat Melayu tradisional, asas kekuasaan golongan pemerintah adalah bergantung kepada sistem cukai dan sistem kerah yang diamalkan dalam masyarakat ketika itu. Hak untuk memungut cukai dan menuntut khidmat daripada rakyat telah diperoleh pemerintah sejak perkembangan sejarah masyarakat Melayu. Terdapat tiga sumber utama pendapatan atau kekayaan bagi golongan pemerintah. Pertama, ialah kawalan tenaga manusia untuk buruh perkhidmatan peperangan. Kedua, daripada perdagangan dan ketiga, daripada tanah. Kategori tenaga manusia pula adalah perkhidmatan buruh kerah, perkhidmatan peperangan, dan pungutan cukai. Selain itu, perkhidmatan buruh wajib termasuklah untuk kerja awam, seperti membina jalan raya, tali air, dan menanam tanaman untuk pembesar. Selain itu, penduduk juga menyediakan sumber tentera dalam peperangan jika sesebuah kawasan berkenaan berhadapan dengan konflik dan ancaman (Amarjit Kaur, 1991:4).

Selain buruh, cukai kepala juga dipungut daripada penduduk yang mendiami sesuatu kawasan berkenaan. Kebiasaannya, cukai ini adalah berbeza-beza antara satu kawasan dengan kawasan yang lainnya dan ianya juga bergantung kepada masa. Sementara itu, di dalam bidang

perdagangan, secara teorinya, sultan adalah pemilik semua hasil dalam negeri. Pungutan hasilnya dilakukan oleh pegawai yang dilantik oleh sultan. Pegawai yang dilantik ini bertanggungjawab untuk memungut cukai perdagangan di sesebuah kawasan berkenaan. Kadangkala, pajakan juga dilakukan bagi mendapatkan hasil bagi sesuatu kawasan. Mereka yang mendapat pajakan daripada sultan ini akan membayar sejumlah yang tertentu kepada sultan sebagai ucapan terima kasih di atas anugerah berkenaan (Amarjit Kaur, 1991:4).

Sumber ketiga kekayaan bagi golongan pemerintah adalah berdasarkan tanah. Pada abad ke-19, terdapat peraturan adat Melayu yang telah lama wujud serta diamalkan berhubung dengan pengambilan, penggunaan, dan pengurusan tanah pertanian. Menurut peraturan tersebut, hak-hak tertinggi dan hak menanam ke atas tanah adalah di tangan sultan. Setiap anggota masyarakat mempunyai hak untuk mengerjakan tanah selagi tidak diusahakan oleh orang lain (Amarjit Kaur, 1991:5). Mereka yang mengerjakan tanah yang dianugerahkan oleh sultan biasanya akan membayar nisbah yang tertentu daripada perolehan hasil pertanian dari tanah berkenaan. Jumlah dan nilai bayaran bergantung kepada keluasan dan kesuburan tanah yang diusahakan itu.

Daripada sistem sosial dan ekonomi yang berpusat di tangan sultan inilah munculnya kelas menengah Melayu yang biasanya terdiri daripada mereka yang mendapat konsesi, atau hak yang tertentu daripada sultan. Kumpulan ini menguasai kedudukan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Kebiasaannya kumpulan kelas ini terdiri daripada kaum keluarga atau mereka yang rapat dengan sultan. Manakala pada peringkat yang lebih kecil pula terdiri daripada mereka yang menonjol dalam masyarakat. Kelas ini biasanya bertanggungjawab untuk menghubungkan golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah serta turut bertanggungjawab dalam memakmur dan mengukuhkan kedudukan ekonomi sesuatu kawasan berkenaan. Pola hubungan golongan pemerintah dengan kumpulan yang diperintah dalam masyarakat Melayu tradisional ini berterusan sehingga kemasukan kuasa kolonial Barat. Kemasukan kuasa kolonial barat mula mengubah corak kelas menengah Melayu.

Kelas Menengah Melayu Zaman Kolonial

Kemakmuran ekonomi dan kepentingan pasaran di Tanah Melayu telah menarik minat kuasa-kuasa barat untuk bertapak dan menguasai sumber di Tanah Melayu. Kemasukan kuasa barat ini, terutamanya British, telah banyak mengubah pola kelas menengah Melayu di Malaysia pada ketika itu. Hubungan awal dengan kuasa kolonial barat bermula pada tahun 1509 apabila tibanya sebuah angkatan laut Portugis ke pelabuhan Melaka. Tarikh ini menandakan bermulanya kekuasaan Eropah ke atas Kesultanan Melayu Melaka apabila permintaan Portugis untuk berdagang di Melaka ditolak. Portugis telah menyerang Melaka pada tahun 1511 dan seterusnya jatuh kepada kuasa tersebut. Walaupun Melaka jatuh ke tangan Portugis, pengaruh kuasa barat tidaklah begitu meluas ke seluruh Tanah Melayu kerana Portugis hanya tertumpu di Melaka semata-mata. Selain Portugis, Melaka juga menjadi tarikan kepada kuasa Belanda. Dengan sokongan daripada kerajaan Johor-Riau, Melaka berjaya ditakluk oleh Belanda pada tahun 1641. Seperti Portugis, Belanda juga tidak meluaskan pengaruh mereka ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Namun begitu, kemasukan British ke Tanah Melayu untuk mengantikan Belanda adalah berlainan dengan kedua-dua kuasa barat tersebut. British pada ketika itu, berusaha untuk meluaskan pengaruhnya di kepulauan Melayu setelah berjaya menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786 daripada Kedah. Akhirnya, Melaka serta Singapura diambil alih oleh British melalui perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Bermula dari sinilah penguasaan Inggeris ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu semakin meluas sehingga Perang Dunia Kedua meletus. Kemasukan kuasa Inggeris ini bukan sahaja telah mengubah corak pentadbiran, politik, dan ekonomi, tetapi juga telah mengubah corak kelas menengah di Tanah Melayu ketika itu.

Inggeris telah melakukan beberapa perubahan dengan memperkenalkan sistem pendidikan dan ekonomi moden serta pembesaran perkhidmatan awam yang kemudiannya membawa kepada perubahan pola kelas menengah Melayu. Melalui sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh Inggeris itu, telah lahir satu kumpulan masyarakat Melayu yang berjaya dalam pelajaran dan memegang jawatan di dalam pentadbiran Inggeris, sama ada sebagai *Malay Administrative Service*

(MAS) atau *Malayan Civil Service* (MCS). Pada peringkat awalnya, kebanyakan pegawai Melayu di dalam MAS dan MCS adalah terdiri daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan. Bagaimanapun, tidak lama kemudian, pintu perkhidmatan awam ini mula dibuka kepada golongan kebanyakan (Syed Hussin Ali, 1979:29-30). Golongan pentadbir baru ini telah dikonsepkan sebagai golongan menengah baru dalam masyarakat Melayu ketika itu. Wheller (1928) mengatakan bahawa mereka yang menerima pendidikan Inggeris dikelaskan sebagai kelas menengah atasan, dan biasanya dilantik sebagai kakitangan kerajaan British kerana keupayaan mereka bertutur dalam bahasa Inggeris.

Pengenalan kepada sistem pendidikan Inggeris ini telah menjadi tiket kepada sekumpulan orang dalam masyarakat Melayu untuk meningkatkan kedudukan sosial mereka (Khasnor 1984:5). Pada ketika itu, masyarakat Melayu menganggap pekerja dari kategori profesional, pegawai tadbir, ahli perniagaan, dan pentadbir firma swasta sebagai orang yang disegani serta disanjung tinggi. Kumpulan baru ini merupakan satu kumpulan yang unik serta mereka merupakan elit Melayu yang lahir akibat pelajaran moden yang diperkenalkan oleh penjajah British (Umran Mohd Anas Khan, 1991:64) dan kumpulan ini menjadi komponen penting dalam kelas menengah pentadbir yang mempunyai kedudukan di dalam masyarakat (Abdul Rahman Embong, 1997:5).

Pada peringkat awal, pegawai-pegawai Melayu dalam perkhidmatan awam adalah kecil berbanding dengan pegawai-pegawai Eropah, tetapi jumlahnya meningkat dari semasa ke semasa dan seterusnya telah meningkatkan bilangan kelas menengah Melayu. Bilangan kelas pentadbir Melayu dalam pentadbiran Inggeris meningkat dari 55 orang pada tahun 1916 kepada 78 orang pada tahun 1928 dan menjadi 105 orang pada tahun 1940 (Khasnor, 1984:104). Peningkatan bilangan pegawai pentadbir Melayu dari setahun ke setahun adalah disebabkan keperluan kepada pegawai yang semakin meningkat akibat daripada kepesatan pembangunan ekonomi. Keadaan ini disokong oleh mereka yang mendapat pendidikan Inggeris, terutamanya dari kalangan yang mendapat pendidikan di *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK). Lepasan daripada MCKK ini kebiasaannya berpeluang untuk menjawat jawatan di dalam pentadbiran Inggeris ketika itu. Pada peringkat awalnya, MCKK hanyalah untuk anak-anak bangsawan Melayu, tetapi kemudiannya turut

dibuka kepada orang ramai. Hasilnya semakin ramai anak Melayu berpeluang mendapat pendidikan moden dan peluang ini telah membuka ruang yang lebih luas kepada masyarakat Melayu untuk menjawat jawatan penting dalam pentadbiran Inggeris ketika itu. Peningkatan dalam peluang pekerjaan moden ini juga telah menggerakkan kumpulan ini ke tahap yang lebih tinggi dalam masyarakat dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Serentak dengan peningkatan di dalam pendidikan, kumpulan kelas menengah Melayu ini mula melibatkan diri di dalam politik dan mula menuntut kemerdekaan. Dalam konteks sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu umumnya, penentang-penentang penjajahan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama. Satu kumpulan mempercayai bahawa kemerdekaan dapat dicapai dengan cara revolusi, sedangkan satu kumpulan lagi mempercayai bahawa kemerdekaan boleh dicapai melalui proses perundingan dan perlumbagaan. Kumpulan pertama lebih dikenali sebagai nasionalis kiri yang kebiasaannya adalah terdiri daripada guru-guru agama yang menubuhkan madrasah dan pondok-pondok di seluruh negara. Di samping itu, sebahagian daripada kumpulan ini adalah mereka yang mendapat pendidikan moden, terutamanya lepasan *Sultan Idris Training College* (SITC). Manakala kumpulan ini bertanggungjawab memberikan kesedaran kepada masyarakat dan menaikkan semangat orang-orang Islam untuk menentang penjajah. Kumpulan kedua dikenali sebagai kumpulan nasionalis sederhana yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai kerajaan yang mendapat pendidikan Inggeris (Firdaus Abdullah, 1985:6-26).

Dengan kemasukan Inggeris dan pengenalan sistem pelajaran moden, bentuk struktur kelas lama turut mengalami perubahan kepada bentuk baru (Jomo 1986:284). Golongan yang mendapat pendidikan Inggeris ini mula memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran Inggeris dan tinggal di bandar-bandar utama. Pada peringkat awal penjajahan Inggeris, kelas menengah Melayu yang terlibat dalam pentadbiran Inggeris terdiri daripada golongan bangsawan dan feudal, tetapi kini jawatan berkenaan mula terbuka kepada anak-anak Melayu lainnya yang turut menerima pendidikan Inggeris tersebut. Namun begitu, penempatan kelas menengah Melayu di bandar ini adalah terhad kerana ramai daripada pentadbir dan profesional ini akan kembali ke tempat asal mereka setelah

bersara. Di sini mereka lebih disanjung dan dihormati oleh masyarakat. Hal ini adalah selaras dengan pandangan Gullick (1964:72) iaitu:

“This formed a new urban Malay middle class but on their retirement most of them returned to their native villages where they enjoyed such influence.”

Golongan kelas menengah Melayu sebelum merdeka mula wujud dalam sektor awam dan golongan pentadbir inilah yang menjadi lapisan perantaraan antara kelas pemerintah (British) serta kelas rakyat. Sektor swasta dan pekerjaan lain pada masa itu masih lagi dimonopoli oleh bangsa lain, terutamanya Inggeris dan Cina. Orang Melayu jauh ketinggalan dalam bidang-bidang berkenaan. Menurut Roff (1975:323), disebabkan polisi kerajaan British di Tanah Melayu yang sengaja mengekalkan orang Melayu dalam sektor pertanian dan tradisional, maka tidak hairanlah jika sebelum merdeka, kelas menengah Melayu lebih ramai berada di sektor awam. Dasar British yang mengeksploitasi dan menggunakan sumber-sumber yang ada untuk kepentingan mereka telah menyebabkan negara-negara yang pernah dijajahnya tidak membangun atau ketinggalan (Overton, 1994:35). Kesan daripada dasar British ini, penglibatan orang-orang Melayu di dalam kegiatan ekonomi moden tidak begitu menonjol dan hanya tertumpu di bidang pertanian dan pentadbiran semata-mata. Oleh yang demikian, kesannya, kelas menengah Melayu lebih menonjol di dalam bidang pentadbiran.

Secara jelasnya, sebahagian besar kelas menengah Melayu pada zaman penjajahan Inggeris berkhidmat dengan pentadbiran British. Kumpulan ini bertanggungjawab menghubungkan polisi British dengan masyarakat Melayu ketika itu. Namun begitu, pola kelas menengah Melayu pada zaman ini menunjukkan perubahan peranan mereka. Jika pada zaman Kesultanan Melayu mereka adalah penghubung di antara Sultan dengan rakyat, tetapi di zaman kolonial mereka adalah perantara British dengan penduduk Tanah Melayu. Selain itu, walaupun sebahagian besar daripada mereka yang mendapat pendidikan Inggeris berkhidmat dengan British, tetapi kesedaran dan semangat nasionalisme mula muncul. Seterusnya kumpulan ini mula menggerakkan semangat nasionalisme dan menuntut kemerdekaan daripada British. Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu

ketika itu sebahagian besarnya digerakkan oleh kelas menengah ini (Jomo, 1997:7).

Dalam usaha untuk memantapkan penguasaan ekonomi dan pentadbiran, Inggeris telah memperkenalkan beberapa bentuk pentadbiran. Antaranya adalah memperkenalkan *Perlembagaan Malayan Union* pada tahun 1946. Walau bagaimanapun semenjak kegagalan *Malayan Union*, British mula menyedari kedudukan orang Melayu. Oleh itu, dalam Perjanjian Persekutuan 1948 telah terkandung bahawa Pesuruh Jaya Tinggi British bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan-kepentingan yang sah bagi bangsa lain. Akibat daripada kegagalan *Malayan Union* ini telah menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu, terutamanya kelas menengah Melayu bahawa orang Melayu selama ini telah diabai dan ditindas oleh British. Kumpulan kelas menengah ini telah memainkan peranan mereka menuip semangat kebangsaan dan seterusnya berusaha untuk memerdekaikan Tanah Melayu. Maka pada tahun 1957, kumpulan ini telah berjaya mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu daripada British.

Kelas Menengah Melayu Selepas Kemerdekaan

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Perkara 153 yang berkaitan dengan Hak-Hak Keistimewaan Orang Melayu telah dimaktubkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 153 telah memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan dan hak-hak istimewa orang Melayu serta kepentingan bangsa lain. Yang di-Pertuan Agong (atas nasihat kerajaan) akan merezabkan sebahagian jawatan yang munasabah dalam pentadbiran awam, biasiswa, kepentingan dan kedudukan pelajaran, permit atau lesen perniagaan, serta perdagangan kepada orang-orang Melayu. Tujuan peruntukan ini dalam perjanjian kemerdekaan dari segi perlumbagaan dan perundangan adalah untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat Melayu yang ketinggalan berbanding masyarakat lain di Tanah Melayu pada ketika itu. Peruntukan dalam perlumbagaan ini telah digunakan untuk mempertingkatkan kedudukan tahap sosioekonomi orang Melayu dan serentak dengan itu membesarakan kelas menengah Melayu. Melalui peruntukan yang ada dalam perlumbagaan, pemerintah telah

mengaplikasikan program pembangunan melalui tiga kaedah utama. Pertama, adalah melalui penstrukturkan semula pemilikan korporat dan pembangunan sumber manusia. Kedua, adalah melalui peluang-peluang pendidikan, terutamanya di peringkat tinggi untuk memenuhi keperluan guna tenaga dan ketiganya, melalui penglibatan aktif kerajaan di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden (Abdul Rahman Embong, 1995:41).

Dalam usaha untuk mencapai matlamat di atas, kerajaan mula melancarkan rancangan-rancangan pembangunan yang bermula dengan Rancangan Malaya Pertama (1950-1955), diikuti dengan Rancangan Malaya Kedua (1956-1960) dan Rancangan-Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang berikutnya. Dalam rancangan-rancangan pembangunan awal, kerajaan banyak menumpukan perbelanjaan kepada pembangunan infrastruktur dan pembangunan pertanian (Bhanoji Rao, 1980:87). Pembangunan infratsruktur dan pembangunan pertanian menjadi fokus utama kerana keperluan kepada kemudahan infrastruktur untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Sementara pertanian pula adalah kerana sektor ini merupakan sektor utama ekonomi dan negara ketika itu. Kesan daripada pembangunan infrastruktur dan pertanian ini telah menambahkan mobiliti orang Melayu dalam memperbaiki kedudukan sosioekonomi mereka, dan ini secara tidak langsung meningkatkan keupayaan orang Melayu serta membantu membesar kan kelas menengah Melayu.

Perubahan penumpuan ke sektor swasta dan moden serentak dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) berlaku apabila kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) yang mempunyai dua objektif utama, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Tujuan kedua objektif DEB adalah untuk menambah penyertaan orang Melayu dan bumiputera yang lain di dalam kegiatan-kegiatan pembuatan serta perdagangan. Penyertaan yang dimaksudkan adalah dari segi hak milik, pengurusan, dan pekerjaan. Kerajaan telah menetapkan matlamat, iaitu untuk tempoh dua puluh tahun, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kegiatan perdagangan serta perusahaan di dalam semua bidang serta peringkat harus mempunyai penyertaan orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputera sama ada dari segi hak milik dan pengurusan. Tujuannya agar dalam tempoh masa berkenaan akan mewujudkan satu masyarakat

perindustrian dan perdagangan Melayu yang maju serta dinamis, sejarah dan bersaingan dengan orang-orang bukan Melayu di dalam sektor moden (Malaysia, 1971:178). Adalah jelas bahawa DEB menjadi dorongan yang utama ke arah membesar serta meningkatkan kelas menengah Melayu, terutamanya penglibatan mereka ke dalam sektor moden. Menurut Jomo (1986), langkah kerajaan untuk meningkatkan peranan dan penglibatan orang Melayu di dalam pelajaran, perniagaan serta strategi pembangunan telah melahirkan kelas menengah baru di kalangan orang Melayu serta memberi persaingan terhadap golongan etnik lain.

Pada peringkat awal DEB, tumpuan diberikan kepada peningkatan latihan dan pendidikan untuk melahirkan golongan profesional Melayu/bumiputera dan seterusnya golongan kelas menengah Melayu. Namun demikian, golongan pemodal Melayu dan bumiputera merupakan teras penting dalam proses pembangunan ekonomi negara memandangkan pertumbuhan ekonomi tertumpu kepada sektor swasta. Dalam hal ini, sudah tentu golongan pemodal swasta diharapkan menjadi penggerak utama. Oleh itu, apabila DEB dilancarkan, dasar ini memperkuatkan lagi dasar pemerintah untuk melahirkan golongan usahawan Melayu/bumiputera. Tujuannya untuk menjamin supaya ekonomi Melayu/bumiputera tidak ketinggalan (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:82).

Di bawah DEB, penyusunan semula masyarakat menekankan penglibatan kaum Melayu/bumiputera di dalam kegiatan ekonomi moden yang bertapak di bandar. Ini berikutan proses pemodenan yang difikirkan penting untuk mencapai matlamat perpaduan rakyat yang berasaskan kepada penyertaan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan ekonomi. Semua golongan mesti mendapat peluang yang saksama untuk menjamin perpaduan yang dinyatakan. Ini bermakna, proses pertumbuhan ekonomi yang pesat mesti disertakan dengan proses agihan pendapatan yang lebih adil (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:82).

Serentak dengan itu juga, melalui Rancangan Lima Tahun serta DEB, pelbagai badan berkanun seperti MARA, FELDA, FELCRA, dan lain-lain yang ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan serta mengurangkan jurang perbezaan di antara orang Melayu dengan kaum-kaum lainnya. Kesan daripada program dan projek berkenaan,

bukan sahaja telah berjaya meningkatkan pendapatan orang Melayu bandar dan luar bandar, malah meningkatkan taraf pendidikan. Golongan baru kesan daripada DEB ini dikonsepsikan sebagai kelas menengah baru di kalangan ramai pengkaji tempatan (Jomo, 1986; 1964; Nordin Selat, 1976). Kesan daripada perlaksanaan DEB dan perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat antara tahun 1970-an hingga pertengahan 1990-an, kelas menengah Melayu telah berkembang sebagai satu kelas yang agak besar dan merupakan satu segmen yang penting dalam masyarakat Malaysia. Jika sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, kelas menengah Melayu, terutamanya terdiri daripada pegawai kerajaan dan guru sekolah. Sebaliknya pada hari ini kelas menengah Melayu terdiri daripada pegawai profesional dan teknikal, serta pengawai pentadbiran dan pengurusan sektor swasta, serta pekerja kolar putih yang besar bilangannya (Mohamed Salleh Lamry, 1998:440-442).

Melalui dasar-dasar dan program di bawah DEB ini, telah berjaya melonjakkan peluang pekerjaan, ekonomi, pendidikan, dan seterusnya status sosial masyarakat Melayu. Beberapa sarjana berpendapat bahawa pencapaian pelajaran, taraf pekerjaan, pendapatan, status sosial, dan gaya hidup seseorang itu boleh dijadikan ukuran untuk menentukan kelas menengah (Nordin Selat, 1976). Melalui pencapaian pelajaran, kumpulan ini berjaya menjawat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan dan swasta. Melalui pelajaran, kumpulan baru ini berjaya memperoleh pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada masyarakat lain secara puratanya. Pendapatan yang tinggi ini pula mengukuhkan kedudukan ekonomi dan mereka berjaya mengumpul kekayaan yang boleh memberikan status dalam masyarakat. Status sosial kelas menengah ini, terutamanya mereka yang mempunyai kelayakan profesional adalah tinggi. Mereka merupakan orang baru yang disanjung tinggi dalam masyarakat Melayu kerana mempunyai kedudukan kewangan, status, dan gaya hidup yang tersendiri (Nordin Selat, 1976). Peningkatan taraf pelajaran, pekerjaan, taraf ekonomi, dan pengumpulan kekayaan telah menjadikan kumpulan masyarakat ini berada dalam kelas mereka yang tersendiri di dalam sistem sosial masyarakat ketika itu. Keadaan ini telah berjaya meningkatkan kedudukan mereka dalam masyarakat ke tahap yang lebih tinggi, tetapi belum mencapai tahap yang tertinggi di dalam susun lapis sosial masyarakat ketika itu.

Selaras dengan itu, pembangunan sosioekonomi yang pesat dan proses perbandaran telah melahirkan sekumpulan kelas menengah Melayu yang mempunyai perbezaan status sosial dengan kumpulan Melayu yang berpendapatan rendah. Kumpulan kelas menengah Melayu berjaya mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi yang dirancang oleh kerajaan dan seterusnya mampu meningkatkan pendapatan mereka berbanding dengan kumpulan Melayu yang lainnya dalam masyarakat. Proses pembangunan ini secara tidak langsung telah mewujudkan jurang yang semakin melebar di antara masyarakat Melayu itu sendiri. Bagi mereka yang berjaya merebut peluang dari pembangunan dan dasar yang dijalankan oleh kerajaan di bawah DEB, mereka ini telah memperolehi pendapatan serta status sosial yang lebih baik di dalam masyarakat. Perbezaan pendapatan ini telah menimbulkan perbezaan status sosioekonomi kepada tiga kumpulan utama, iaitu kumpulan tinggi, sederhana, dan rendah dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada teori pembangunan, salah satu dasar yang boleh digunakan untuk mengatasi ketidakseimbangan pendapatan ialah dengan cara memajukan sektor pendidikan. Pendidikan adalah salah satu strategi utama yang diguna untuk merapatkan jurang antara kaum di Malaysia. Strategi ini seterusnya digunakan oleh pemerintah dan telah berjaya meningkatkan bilangan kelas menengah Melayu. Serentak dengan itu, melalui rancangan-rancangan pembangunan Malaysia, pendidikan menjadi fokus dalam perancangan pembangunan masyarakat Melayu. Untuk membangun serta memajukan pendidikan dan latihan, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan awam sebanyak RM7.42 bilion dalam Rancangan Malaysia Kedua, RM21.2 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketiga, RM46.32 bilion dalam Rancangan Malaysia Keempat dan RM35.3 billion dalam Rancangan Malaysia Kelima (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:124). Sebanyak 94.9% daripada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kedua disalurkan kepada pelajaran formal yang merangkumi sekolah peringkat rendah, menengah, tinggi, maktab perguruan, dan sokongan. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebanyak 84.7% diperuntukkan, Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 92.6%, manakala dalam Rancangan Malaysia Kelima pula sebanyak 94.4% perbelanjaan diperuntukkan kepada program pendidikan berkenaan (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:124).

Peningkatan di dalam peluang-peluang pekerjaan, pengenalan kepada ekonomi moden, dan penyusunan masyarakat yang telah dilaksanakan ini telah mengubah pola masyarakat Melayu. Merujuk kepada statistik tiga dekad lepas, di antara tahun 1970 dan 2000, terdapat banyak perubahan yang boleh dilihat melalui sektor pekerjaan, peningkatan dalam bidang pengurusan, profesional dan pentadbiran dari 5.9% dalam tahun 1970 kepada 15.2% pada tahun 2000. Begitu juga bidang perkeranian, jualan, dan perkhidmatan juga meningkat, iaitu dari 21.9% pada tahun 1970 kepada 33.9% pada tahun 2000. Namun bidang pembuatan mengalami peningkatan yang kecil, iaitu daripada 27.3% pada tahun 1970 kepada 32.8% pada tahun 2000. Manakala bidang pertanian menurun dari 44.8% pada tahun 1970 kepada 18.1% pada tahun 2000 (Malaysia, 1971,1999:39). Statistik ini menunjukkan bahawa kemajuan yang dicapai oleh Malaysia telah mengalihkan perhatian daripada pertanian kepada perindustrian dalam menggalakkan sektor pembuatan. Namun begitu, sektor pertanian masih merupakan nadi kepada sektor perindustrian dan pembuatan dalam menghasilkan produk-produk berkualiti tinggi untuk pasaran dalam dan luar Malaysia.

Pengenalan kepada polisi ekonomi terutamanya perindustrian bukan sahaja menambahkan bilangan kelas menengah di Malaysia, tetapi juga meningkatkan mobiliti masyarakat Melayu ke dalam sektor-sektor baru dan moden. Melalui polisi ekonomi dan perindustrian ini, orang Melayu memperolehi peluang untuk terlibat di dalam bidang perdagangan dan perusahaan dengan bantuan serta pembiayaan daripada agensi kerajaan. Pembiayaan dan peluang ini telah mendorong sekumpulan usahawan Melayu terlibat di dalam bidang-bidang baru yang dahulunya dikuasai oleh bangsa asing. Selain daripada itu juga, berlakunya perubahan dalam pola pekerjaan di kalangan masyarakat Malaysia ketika itu. Bilangan mereka yang terlibat dalam kerja kolar putih juga meningkat dengan pesat selaras dengan peningkatan dalam perindustrian (Abdul Rahman Embong, 1995:38-39). Peningkatan dalam kelas menengah ini boleh dilihat dengan berlakunya peningkatan yang ketara terhadap mereka yang berdaftar di dalam pekerjaan-pekerjaan profesional seperti arkitek, akauntan, jurutera, doktor, doktor gigi, doktor haiwan, dan sebagainya lagi. Perubahan-perubahan ini telah menyebabkan bilangan orang Melayu dan bumiputera yang terlibat di dalam sektor ekonomi moden meningkat.

Perkembangan perindustrian yang pesat juga telah memberi kesan kepada peranan pertanian di dalam ekonomi Malaysia. Dengan perkembangan sektor perindustrian yang pesat ini, telah menyebabkan sumbangan sektor pertanian terhadap ekonomi negara semakin berkurangan dan ini digantikan dengan peningkatan dalam sektor ekonomi moden, terutamanya perindustrian. Selaras dengan perkembangan ini, guna tenaga dalam sektor pertanian juga mengalami penurunan dengan peningkatan dalam sektor perindustrian (Abdul Rahman Embong, 1995:39-41). Perubahan peranan sektor di dalam ekonomi ini melibatkan orang Melayu dan seterusnya memberi kesan di dalam kegiatan ekonomi mereka, terutamanya perubahan dari sektor ekonomi yang bercirikan pertanian kepada sektor ekonomi yang lebih moden. Pada ketika ini, berlakunya penghijrahan serta penglibatan mereka dari kegiatan ekonomi tradisi (pertanian) kepada kegiatan ekonomi moden (perindustrian). Malah keadaan ini telah mengubah pola guna tenaga dan corak pekerjaan orang Melayu dari sektor tradisi ke sektor moden. Semakin ramai buruh dari luar bandar berhijrah dan terlibat di dalam sektor perkilangan di kawasan-kawasan perindustrian baru.

Di samping itu, faktor perkembangan sektor perkilangan di kawasan perindustrian bebas dengan migrasi penduduk desa ke bandar merupakan satu sebab utama kemerosotan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:114). Migrasi buruh dari sektor pertanian ke sektor perkilangan disebabkan sektor ini menawarkan upah dan pendapatan yang lebih lumayan. Perubahan dalam pola pekerjaan dari sektor tradisi ke sektor moden ini bukan sahaja merubah pola pekerjaan, tetapi juga merubah mobilisasi sosial masyarakat Melayu berkenaan. Perubahan sektor pekerjaan ini telah mendedahkan masyarakat Melayu berkenaan kepada perbandaran, yang turut pula mengubah pola pemikiran mereka. Kumpulan yang telah mengalami transformasi ini muncul sebagai kelas baru dalam masyarakat Malaysia amnya, dan masyarakat Melayu khususnya.

Kesan daripada perubahan-perubahan di dalam kegiatan ekonomi ini, guna tenaga orang Melayu di dalam sektor perkilangan juga meningkat daripada 13.4% pada tahun 1980 kepada 17% pada tahun 1990. Sektor perdagangan juga meningkat daripada 9.7% pada tahun

1980 kepada 12.4% pada tahun 1990 (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:127). Penglibatan orang Melayu dan bumiputera juga meningkat dalam pekerjaan ikhtisas, iaitu daripada 4.3% pada tahun 1970 kepada 6.7% dalam tahun 1980 dan terus meningkat menjadi 9.2% pada tahun 1990 (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:127). Golongan profesional berdaftar Melayu juga menunjukkan *trend* peningkatan dari seramai 225 orang pada tahun 1970 kepada seramai 2,534 orang pada tahun 1980 dan melonjak kepada seramai 11,753 orang pada tahun 1990 (Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000:129). Perubahan ini jelas menunjukkan bahawa hasil daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah sama ada semasa atau selepas DEB, telah mengubah pola masyarakat Melayu khususnya, dan masyarakat Malaysia amnya.

Selain peningkatan penyertaan orang Melayu/bumiputera melalui struktur guna tenaga sektor perkilangan, penyertaan modal dalam sektor moden dijadikan alat penting untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat. Sekiranya penyertaan dari segi penyerapan buruh secara am dianggap telah mencapai kejayaan, namun penyertaan modal masih jauh ketinggalan, terutamanya dari segi ekuiti individu (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:83). Apabila tahap penggantian import dimulakan, penyertaan golongan pemodal Melayu dan bumiputera dalam kegiatan perkilangan adalah amat terhad. Golongan ini belum muncul lagi kerana memang tidak dinafikan bahawa sebelum tahun 1957, pihak penjajah tidak memberikan sokongan institusi yang berkesan kepada penduduk Melayu/bumiputera untuk bergiat dalam perniagaan, apatah lagi dalam kegiatan perindustrian. Cuma yang ada hanyalah dorongan untuk menegakkan perniagaan dan industri kecil (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:83-86). Keadaan ini tidak banyak berubah pada dekad 1960-an. Hal ini kerana, dasar pemerintah yang pada amnya membiarkan pasaran bebas menentukan segala kegiatan ekonomi. Dalam keadaan seperti ini, golongan pemodal yang sudah wujud memperkuatkan kedudukan mereka dan seterusnya memperkembangkan kepentingan mereka di dalam kegiatan perniagaan, perdagangan serta perindustrian. Galakan yang diberikan telah memberi peluang kepada pemodal yang sedia ada. Oleh itu, tidak wujud strategi yang jelas untuk memupuk golongan pemodal Melayu/bumiputera (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:86).

Pada tahun 1980-an, penyertaan orang Melayu/bumiputera dalam kegiatan perindustrian bertambah jelas, tetapi sebahagian besar penyertaan demikian adalah melalui agensi amanah atau perusahaan awam. Perlaksanaan projek industri berat sejak tahun 1981 berhubung rapat dengan tahap ini, menunjukkan bahawa tahap penyertaan individu atau golongan pemodal dan syarikat dianggap tidak cukup kuat (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:88). Oleh yang demikian, kerajaan terpaksa menubuhkan perusahaan awam di dalam kegiatan industri berat. Namun begitu, penyertaan sedemikian oleh perusahaan awam tidak dianggap sebagai penyertaan individu atau golongan pemodal Melayu/bumiputera. Penyertaan ini hanya boleh dianggap sebagai pendorong utama untuk membolehkan pembentukan golongan usahawan atau pemodal Melayu. Perkembangan ini menunjukkan bahawa penyertaan modal Melayu/bumiputera secara individu masih lagi terhad kepada industri kecil (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:88).

Memandangkan golongan pemodal Melayu/bumiputera masih lagi lemah, pemerintah terpaksa memainkan peranan untuk menggembungkan modal melalui tabung amanah bagi meningkatkan kepentingan Melayu/bumiputera. Dalam konteks ekonomi yang berpandukan pasaran bebas, pihak kerajaan sentiasa menekankan betapa pentingnya peranan sektor swasta di dalam kegiatan ekonomi. Oleh itu, Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) menekankan bahawa pelaburan swasta akan memberikan sumbangan besar terhadap tujuan utama rancangan pembangunan ekonomi negara (Anuwar Ali dan Raja Rasiah, 2000:88).

Kedudukan dan perkembangan kelas menengah Melayu hari ini adalah usaha yang berterusan untuk meningkatkan bilangan mereka di dalam susun lapis masyarakat. Misalnya dalam usaha untuk memajukan negara, Tunku Abdul Rahman telah membawa masyarakat Melayu dan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan, begitu juga dengan Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn dengan dasar pelajarannya. Seterusnya Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan kebijaksanaannya, banyak mengusulkan dasar-dasar seperti Dasar Pembangunan Negara (1991-2000), Wawasan 2020, serta banyak lagi polisi yang telah memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya kepada kelas menengah Melayu. Semua yang dilakukan adalah untuk mewujudkan Melayu Baru dan juga ingin menyatukan Bangsa Malaysia atau *Malaysian Nation*. Menerusi Wawasan

2020, adalah diharapkan agar cabaran untuk menyatupadukan Bangsa Malaysia tercapai dari sudut integrasi antara kaum, hidup dengan aman, mempunyai hak yang adil, mempunyai matlamat yang sama dengan kesetiaan politik yang ditujukan khas untuk Bangsa Malaysia (Mahathir Mohamad, 1991a: 2-3). Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mentakrifkan Melayu Baru sebagai orang Melayu yang mengamalkan budayanya; dalam masa yang sama berupaya menghadapi segala cabaran, berupaya bersaing tanpa bantuan, belajar dan berpengetahuan, *sophisticated*, jujur, berdisiplin, amanah, dan kompeten (Mahathir Mohamad, 1991b).

Pendekatan Tun Dr. Mahathir Mohamad menerangkan bahawa Bangsa Melayu boleh maju ke hadapan, asalkan berusaha dan boleh berdikari. Semua ini berkait rapat dengan sosialisasi dan budaya politik di kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Proses sosialisasi dan budaya politik berkembang serta berkait rapat dengan isu-isu ekonomi dan sosial yang menyokong status kedudukan kelas menengah Melayu di negara ini. Tun Dr. Mahathir Mohamad menambah, jika Melayu tidak berupaya bersaing dalam ekonomi, ditambah pula dengan kelemahan kuasa politik di kalangan Melayu, maka ini akan mengakibatkan ketidakstabilan bangsa Melayu itu sendiri (Mahathir Mohamad, 1994: 80). Mahathir juga menegaskan bahawa kelemahan Melayu bersaing di dalam ekonomi adalah disebabkan oleh warisan turun-temurun dan faktor-faktor persekitaran, terutama dari sikap dan personaliti Melayu, iaitu dari sudut sistem dan nilai kebudayaan termasuk kod etika (*code of ethics*) (Mahathir Mohamad, 1970). Jadi untuk memulihkan kelemahan ini, orang Melayu perlu berusaha untuk memisahkan diri mereka dari adat untuk mencapai cara pemikiran yang baru dalam mendepani dunia realiti (Mahathir Mohamad, 1970:113). Untuk itu, kelas menengah Melayu perlu mempunyai ciri-ciri berdaya saing dan mempunyai sikap yang positif jika ingin berjaya di dalam kegiatan ekonomi.

Kesimpulan

Pola kelas menengah Melayu sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Dalam masyarakat tradisional Melayu, kumpulan kelas menengah Melayu adalah kecil sahaja bilangannya dan mereka terdiri

daripada kumpulan yang rapat dan mendapat anugerah daripada sultan. Kelas ini berperanan sebagai wakil atau penghubung antara pemerintah dengan orang yang diperintah. Kelas ini bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan kumpulan pemerintah. Selepas kemasukan kuasa barat, terutamanya British, pola kelas menengah Melayu mula mengalami perubahan, terutamanya dengan pengenalan kepada sistem pendidikan barat. Mereka yang mendapat pendidikan barat akan diterima sebagai pegawai tadbir British dan mereka ini muncul sebagai kelas pentadbir baru. Peranan mereka juga masih lagi menjadi penghubung di antara kepentingan British dengan masyarakat Melayu ketika itu.

Pada peringkat awal, kelas pentadbir ini adalah terdiri daripada kumpulan anak kelas feudal serta kelas menengah Melayu tradisional. Kemudiannya pola ini telah mengalami perubahan setelah keperluan ekonomi Inggeris meningkat dan anak-anak orang biasa juga mula mendapat tempat di dalam pentadbiran Inggeris sebagai hasil daripada pendidikan yang mereka terima. Jelasnya, pada zaman penjajahan Inggeris ini, pola kelas menengah mula mengalami perubahan. Selain itu, pada ketika ini telah mula timbul kesedaran di kalangan kelas menengah Melayu bahawa masyarakat Melayu ketinggalan dan kelas ini mula memainkan peranan untuk meniupkan semangat nasionalisme. Hasil daripada perjuangan kelas ini, akhirnya Tanah Melayu berjaya dimerdekaan.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pelbagai polisi telah dijalankan untuk memenuhi aspirasi kemerdekaan, terutamanya untuk meningkatkan taraf sosioekonomi orang Melayu yang ketinggalan. Hasil daripada pelbagai polisi pembangunan sosioekonomi, kelas menengah Melayu semakin meningkat lebih-lebih lagi apabila DEB diperkenalkan. Peranan kelas menengah Melayu baru ini bukan sahaja sebagai pentadbir, malah mereka mula memainkan peranan sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi. Penglibatan mereka bukan sahaja tertumpu di dalam sektor-sektor tradisi, malah di dalam sektor-sektor moden. Memandangkan bilangan kelas menengah Melayu ini semakin membesar, maka peranan mereka di dalam sosioekonomi dan politik juga semakin meningkat dan berkembang.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong, 1995. "The Malaysian Middle Classes: Some Preliminary Observation," dlm. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 22: 31-54.
- Abdul Rahman Embong, 1997. "Malaysian Middle Class Studies: A Brief Overview", Working Paper Presented at the fisrt International Malaysia Studies Confrence, Organised by Malaysia Social Science Association on 11-13 August 1997, at University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Amarjit Kaur, 1991. *Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad ke-19: Satu Tinjauan Ekonomi*, in Jawatankuasa Kolokium Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan (Edts.,), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar Ali dan Raja Rasiah, 2000. *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhanoji Rao, V.V., 1980. *Malaysia Development Pattern and Policy 1941-1971*, Singapore: Singapore University Press.
- Gullick, J.M., 1964. *Malaya*, London, Ernest Benn Limited.
- Firdaus Abdullah, 1985. *Kepimpinan Melayu: Satu Rakaman Kewartawanan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Jomo, K.S., 1986. *A Question of Class, Capital, the State and Uneven Development in Malaya*, Oxford, New York: Oxford University Press.
- Jomo, K.S., 1997. "A Malaysian Middle Class?: Some Preliminary Analytical Considerations", Paper Submitted for the First International Malaysian Studies Conference, held at University of Malaya, Kuala Lumpur 11-13 August 1997.
- Khasnor Johan, 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Singapore: Oxford University Press.
- Mahathir Mohammed, 1970. *The Malay Dilemma*, Singapore: Donald More Press.

- Mahathir Mohammed, 1991a. *Malaysia The Way Forward*, Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies.
- Mahathir Mohammed, 1991b. Jihad UMNO Untuk Bangsa Melayu Baru, Ucapan dari Presiden UMNO pada Mesyuarat Agong UMNO pada 8 November 1991.
- Mahathir Mohamad, 1994. *Malay Problem in The Context of Malaysia Problems, Jurnal of Malay World and Civilization*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 77-86.
- Malaysia, 1971. *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Malaysia, 1999, *Mid-Term Review of Seventh Malaysian Plan 1999-2000*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Milner, A.C., 1982. *Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tuscon, Arizona: The University of Arizona Press.
- Mohamed Saleh Lamry, 1998. Politik Kelas Menengah Melayu: Satu Tinjauan Awal, in Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan (Edts.), *Pengajian Sastera dan Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Aslam dan Azhar Harun, 2000. Dasar Ekonomi Baru: Satu Sorotan Falsafah dan Pencapaian, in Mohd Rosli Mohammad, Mohamed Aslam Gulam Hasan (Edts,), *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nordin Selat, 1976. *Kelas Menengah Pentadbir Melayu: Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.
- Overton J., 1994. *Agriculture and Industry in Colonial Malaya*, in Horold Brookfiled (Edts), Tranfomations with Industrialization in Panisular Malaysia, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, William R., 1974. *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Roff, William R., 1975. The Malay Panisular to 1974, in David Joel Steinberg (Edts.), In *Search of South East Asia- A Modern History*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Umran Mohd Anas Khan, 1991. "Kelas Menengah Melayu Bandar: Satu Kajian Status Sosio-Ekonomi dan Politik", Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Hussin Ali, 1979. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi.
- Wheller, L.R., 1928. *The Modern Malay*, London: G. Allen and Unwin.